

Yong Teck Lee mungkin bakal calon Likas

UM 3 JULI 2001

PUTRAJAYA 2 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan kemungkinan Datuk Yong Teck Lee akan dipilih semula sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Likas, Sabah 21 Julai ini.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana berdasarkan keputusan mahkamah yang mengisytiharkan keputusan pilihan raya kerusi Likas pada 1999 batal baru ini, tidak menyatakan bahawa Yong bersalah.

Cuma, kata beliau, keputusan mahkamah itu merujuk kepada perjalanan pilihan raya itu yang tidak mengikut undang-undang.

“Kalau kita kata dari segi keputusan mahkamah dia (Yong) masih boleh (dicalonkan) cuma sama ada bijak atau tidak itu soal lainlah,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC) di Bangunan Putra Perdana di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai calon yang akan membawa cabaran BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri N.13 Likas yang sehingga kini belum diputuskan.

Sabtu lalu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 12 Julai ini sebagai hari penamaan calon manakala pengundian pada 21 Julai.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 8 Jun lalu mengisytiharkan keputusan pilihan raya kerusi Likas yang lalu sebagai batal kerana terdapat 'pengundi hantu' yang tidak wujud dalam daftar pemilih kawasan tersebut.

Pada pilihan raya negeri itu yang diadakan pada 12 Mac 1999 Yong, bekas Ketua Menteri mempertahankan kerusi Likas dengan memperoleh 9,110 undi iaitu kelebihan 4,962 undi.

Turut bertanding bagi kerusi tersebut ialah Datuk H&is Salleh dari Parti Bersekutu, Zulkifli Lajah (Setia), Yahya Kassim (Pas) dan Saudin Kadis (Bebas).